**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR**

UNIMAP

**RUJUKAN KAMI : UNIMAP/PEND/101/2-6 ( 29 )**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2016**

---

# PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 6 TAHUN 2016

# MAKLUMAN HARI KELEPASAN AM NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2017

---

## 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Staf dan Pelajar Universiti Malaysia Perlis mengenai Hari Kelepasan Am Negeri Perlis Bagi Tahun 2017.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Bagi memastikan pengurusan organisasi dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan, semua staf dan pelajar perlu peka akan tarikh-tarikh hari kelepasan am yang telah ditetapkan. Jadual hari kelepasan am ini berpandukan kepada Jadual yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Bahagian Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

## 3.0 PELAKSANAAN

Pelaksaan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan jika mana-mana hari kelepasan am itu jatuh pada hari kelepasan mingguan atau kelepasan yang lain, maka hari tersebut hendaklah digantikan dengan hari esoknya dan jika hari esoknya itu pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari berikutnya pula hendaklah dijadikan hari kelepasan am. Jika hari kelepasan itu jatuh pada hari Sabtu, maka tiada cuti ganti baginya.

## 4.0 KALENDER CUTI KELEPASAN AM NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2017

Butiran makluman cuti adalah seperti di Lampiran.

## 5.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Hari Kelepasan Am Negeri Perlis Tahun 2017 adalah mulai 1 Januari 2017 dan akan tamat pada 31 Disember 2017.

Sekian, terima kasih

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***
'Mencarik Adat, Melarik Hasrat'

Saya yang menurut perintah,

**(ZUBER BIN HAJI MOHAMAD)**
Pendaftar

**s.k** Naib Canselor
Semua Timbalan Naib Canselor
Bendahari
Pustakawan
Semua Ketua Jabatan/Dekan

## HARI KELEPASAN AM NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2017

**MAKA ADALAH DITERIMA PAKAI HARI-HARI YANG TERSEBUT DI BAWAH INI MENJADI HARI-HARI KELEPASAN AM NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2017 :**

| | | |
|---|---|---|
| * | TAHUN BARU CINA | 28 JANUARI 2017 |
| * | TAHUN BARU CINA (HARI KEDUA) | 29 JANUARI 2017 |
| # | ISRAK DAN MIKRAJ | 24 APRIL 2017 |
| * | HARI PEKERJA | 1 MEI 2017 |
| * | HARI WESAK | 10 MEI 2017 |
| # | HARI KEPUTERAAN DYMM TUANKU RAJA PERLIS | 17 MEI 2017 |
| * | HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG | 3 JUN 2017 |
| # | HARI NUZUL AL-QURAN | 12 JUN 2017 |
| * | HARI RAYA PUASA ** | 25 JUN 2017 |
| * | HARI RAYA PUASA (HARI KEDUA) ** | 26 JUN 2017 |
| * | HARI KEBANGSAAN | 31 OGOS 2017 |
| * | HARI RAYA QURBAN ** | 1 SEPTEMBER 2017 |
| # | HARI RAYA QURBAN (HARI KEDUA) ** | 2 SEPTEMBER 2017 |
| * | HARI MALAYSIA | 16 SEPTEMBER 2017 |
| * | AWAL MUHARAM (MAAL HIJRAH) | 21 SEPTEMBER 2017 |
| * | HARI DEEPAVALI ** | 18 OKTOBER 2017 |
| * | HARI KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD S.A.W. (MAULIDUR RASUL) | 1 DISEMBER 2017 |
| * | HARI KRISMAS | 25 DISEMBER 2017 |

**CATATAN**

* HARI KELEPASAN AM PERSEKUTUAN

\# HARI KELEPASAN AM NEGERI

** TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN

**PERINGATAN**

JIKA MANA-MANA HARI KELEPASAN AM ITU JATUH PADA HARI KELEPASAN MINGGUAN (AHAD) ATAU HARI KELEPASAN AM YANG LAIN, MAKA HARI TERSEBUT HENDAKLAH DIGANTIKAN DENGAN HARI ESOKNYA DAN JIKA HARI ESOKNYA ITU JUGA TELAH SEDIA MENJADI HARI KELEPASAN, MAKA HARI BERIKUTNYA PULA HENDAKLAH DIJADIKAN HARI KELEPASAN. JIKA HARI KELEPASAN ITU JATUH PADA HARI SABTU, TIDAK ADA HARI KELEPASAN GANTI BAGINYA.

**( NORAZLAN BIN YAHAYA )**
SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS.
TARIKH : 30 OGOS 2016